



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

60 BUAH SEKOLAH SERTAI PERTANDINGAN MELUKIS MURAL RUKUN NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025

KAJANG, 13 November 2025 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) telah melaksanakan **Pertandingan Melukis Mural Rukun Negara Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**. Majlis perasmian penutupan program telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara di SMK Bandar Baru Sungai Long, hari ini.

Pertandingan tahun ini telah menerima penyertaan daripada 60 buah sekolah menengah dengan hasil karya yang menonjolkan **nilai patriotisme, kerjasama dan kreativiti pelajar**. Seni mural bukan sahaja memperindah persekitaran sekolah tetapi turut menjadi **medium membina jati diri dan sahsiah generasi muda**. Selain itu, pertandingan ini berjaya menghimpunkan kreativiti dan semangat kenegaraan pelajar dari seluruh negara dalam menghayati nilai-nilai Rukun Negara melalui seni mural.

Dalam ucapannya, Dato' Haslina berkata, "**Hasil seni mural ini bukan sekadar perhiasan estetik, tetapi berperanan sebagai medium komunikasi budaya yang menyemarakkan jati diri dan semangat patriotisme pelajar**. Mural ini membentuk memori kolektif yang kekal, memastikan wacana tentang Rukun Negara dan kepentingannya dalam memelihara perpaduan terus relevan dan dihayati oleh setiap generasi pelajar".

Beliau menyeru agar para pelajar menjadikan pertandingan ini sebagai platform menzahirkan semangat kebersamaan dan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia serta meneruskan penghayatan terhadap semangat Rukun Negara dan Malaysia MADANI sebagai tunjang perpaduan nasional.

Kementerian Perpaduan Negara

13 November 2025

KPN.100-9/1/1 (**95**)